



SOALAN LAZIM PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUN KWSP

NO.	KONSEP ASAS
1.	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan penstrukturan semula akaun KWSP?</p> <p>Penstrukturan semula akaun KWSP adalah bertujuan untuk memperkukuh jaminan pendapatan persaraan dan memenuhi keperluan kitaran hayat ahli.</p> <p>Penstrukturan semula akaun KWSP melibatkan perubahan daripada dua (2) akaun kepada tiga (3) akaun seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Akaun sedia ada dinamakan semula daripada Akaun 1 kepada "Akaun Persaraan"; dan Akaun 2 pula dinamakan "Akaun Sejahtera" tanpa perubahan pada tujuan kedua-dua akaun tersebut; ii. Memperkenalkan akaun ketiga iaitu "Akaun Fleksibel"; iii. Simpanan dalam Akaun Fleksibel boleh diakses atau dikeluarkan oleh ahli pada bila-bila mengikut keperluan, tertakluk kepada terma dan syarat. iv. Caruman baharu yang diterima selepas tarikh kuat kuasa akan dikreditkan ke dalam akaun mengikut nisbah 75:15:10 iaitu Akaun Persaraan (75%), Akaun Sejahtera (15%) dan Akaun Fleksibel (10%).
2.	<p>Mengapakah KWSP melaksanakan penstrukturan semula akaun KWSP?</p> <p>Penstrukturan semula akaun ini dibuat bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecukupan simpanan untuk menjamin pendapatan persaraan yang bermakna untuk ahli; • Mengimbangi keperluan jangka masa pendek, sederhana dan panjang selaras dengan keperluan kitaran hidup dan jangka hayat ahli; • Membangunkan Skim KWSP yang relevan dengan perubahan lanskap pekerjaan, perubahan demografi dan keperluan ahli di masa kini dan masa hadapan; dan • Memenuhi keperluan kewangan jangka pendek yang boleh menjejaskan kesejahteraan semasa persaraan sekiranya tidak dipenuhi.
3.	<p>Apakah itu Akaun Persaraan?</p> <p>Akaun Persaraan adalah Akaun 1 yang dinamakan semula berdasarkan tujuan atau objektif akaun berkenaan. Akaun ini bertujuan untuk mengumpul dan meningkatkan simpanan persaraan ahli dalam jangka masa panjang bagi kehidupan yang selesa selepas persaraan.</p> <p>Simpanan di Akaun Persaraan tidak boleh dikeluarkan sebelum ahli berumur 55 tahun. Bagaimanapun, ahli yang layak boleh melaburkan sebahagian daripada simpanan Akaun Persaraan dalam pelaburan yang diuruskan oleh Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang diluluskan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.</p>



4.	<p>Apakah Akaun Sejahtera?</p> <p>Akaun Sejahtera adalah Akaun 2 yang dinamakan semula berdasarkan tujuan atau objektif akaun berkenaan. Akaun ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kitaran hidup pra-persaraan bagi jangka sederhana yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan.</p> <p>Simpanan di Akaun Sejahtera boleh dikeluarkan bagi tujuan pengeluaran pra-persaraan yang dibenarkan (tertakluk kepada terma dan syarat KWSP) seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perumahan • Pendidikan • Kesihatan • Perlindungan Insurans • Haji • Umur 50 Tahun
5.	<p>Apakah itu Akaun Fleksibel?</p> <p>Akaun ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kewangan jangka pendek ahli.</p> <p>Simpanan Akaun Fleksibel boleh dikeluarkan oleh ahli pada bila-bila masa tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh KWSP. Walau bagaimanapun, KWSP menggalakkan pengeluaran cuma digunakan pada waktu kecemasan dan untuk keperluan mendesak sahaja.</p>
6.	<p>Bilakah tarikh pelaksanaan penstrukturan semula akaun KWSP?</p> <p>Pelaksanaan penstrukturan semula akaun KWSP akan bermula pada 11 Mei 2024.</p>
7.	<p>Adakah penstrukturan semula akaun KWSP yang baharu melibatkan semua ahli KWSP?</p> <p>Penstrukturan semula akaun KWSP terpakai kepada semua ahli KWSP termasuk bukan warganegara Malaysia yang belum mencapai umur 55 tahun pada 11 Mei 2024.</p>
8.	<p>Apakah yang akan berlaku apabila ahli mencapai umur 55 tahun selepas penstrukturan semula akaun KWSP ini dilaksanakan?</p> <p>Bagi ahli yang telah mencapai umur 55 tahun, kesemua baki simpanan dalam ketiga-tiga akaun akan dipindahkan ke Akaun 55. Manakala caruman baharu yang diterima mulai umur 55 tahun akan dikreditkan ke Akaun Emas untuk tujuan persaraan pada umur 60 tahun.</p>



NO.	PENSTRUKTURAN SEMULA AKAUN
9.	<p>Apakah yang akan berlaku dengan simpanan sedia ada di dalam Akaun 1 dan Akaun 2 setelah penstrukturan semula akaun KWSP dilaksanakan?</p> <p>Baki simpanan di dalam Akaun 1 dan Akaun 2 akan kekal di dalam Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera, manakala Akaun Fleksibel iaitu akaun baharu akan bermula dengan sifar (0).</p> <div style="text-align: center;"> <pre> graph TD A1(AKAUN 1) --> AP(AKAUN PERSARAAN) A2(AKAUN 2) --> AS(AKAUN SEJAHTERA) A3(AKAUN FLEKSIBEL) </pre> </div>
NO.	CARUMAN BAHARU
10.	<p>Bagaimanakah caruman baharu dikreditkan selepas tarikh pelaksanaan penstrukturan semula akaun KWSP?</p> <p>Caruman baharu yang dikreditkan selepas tarikh pelaksanaan akan diagihkan mengikut nisbah seperti berikut:</p> <div style="text-align: center;"> <pre> graph TD A1(AKAUN PERSARAAN 75%) A2(AKAUN SEJAHTERA 15%) A3(AKAUN FLEKSIBEL 10%) </pre> </div> <p>Ilustrasi pembahagian caruman berdasarkan penstrukturan semula akaun KWSP yang baharu:</p> <div style="text-align: center;"> <pre> graph TD Root("Caruman yang diterima selepas tarikh pelaksanaan 11 Mei 2024 Contoh: RM1,840") Root --> AP("AKAUN PERSARAAN RM1,380 (RM1,840 x 75%)") Root --> AS("AKAUN SEJAHTERA RM276 (RM1,840 x 15%)") Root --> AF("AKAUN FLEKSIBEL RM184 (RM1,840 x 10%)") </pre> </div>
NO.	PILIHAN PINDAHAN AMAUN PERMULAAN <i>OPTION FOR INITIAL AMOUNT TRANSFER</i>



11. **Apakah yang dimaksudkan dengan pilihan pindahan amaun permulaan?**

Selepas tarikh pelaksanaan, ahli mempunyai pilihan untuk memindahkan sebahagian daripada baki simpanan (rujuk soalan 12) dalam Akaun Sejahtera sebagai amaun permulaan ke Akaun Fleksibel.




12. **Bagaimanakah amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel ditentukan?**

Penentuan amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel adalah tertakluk kepada baki simpanan dalam Akaun Sejahtera ahli pada tarikh permohonan pilihan amaun permulaan seperti berikut:

Bagi ahli yang mempunyai baki simpanan **RM3,000 dan ke atas** dalam Akaun Sejahtera
 Baki simpanan dalam Akaun Sejahtera diagihkan mengikut nisbah berikut:-

- i. Sepuluh per tiga puluh (10/30) ke Akaun Fleksibel;
- ii. Lima belas per tiga puluh (15/30) kekal dalam Akaun Sejahtera; dan
- iii. Lima per tiga puluh (5/30) ke Akaun Persaraan.



Contoh:



ADAM
 Akaun Persaraan: **RM70,000**
 Akaun Sejahtera : **RM30,000**
 Akaun Fleksibel : **RM0**

JIKA ADAM TIDAK MEMBUAT PILIHAN UNTUK MEMPUNYAI AMAUN PERMULAAN



Jika Adam **TIDAK** membuat pilihan untuk mempunyai amaun permulaan, **baki simpanan dalam Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera akan KEKAL**

JIKA ADAM MEMILIH UNTUK MEMPUNYAI AMAUN PERMULAAN



SIMPANAN SEMASA dalam Akaun Sejahtera akan diagihkan seperti berikut:-

- 10/30 dipindahkan ke Akaun Fleksibel
- 15/30 kekal dalam Akaun Sejahtera
- 5/30 dipindahkan ke Akaun Persaraan



Bagi ahli yang mempunyai baki simpanan kurang daripada RM3,000 dalam Akaun Sejahtera

- i. Akaun Sejahtera yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke bawah, semua amaun dipindahkan ke Akaun Fleksibel.
- ii. Akaun Sejahtera yang mempunyai simpanan melebihi RM1,000 dan tidak melebihi RM3,000, amaun yang dipindahkan ke Akaun Fleksibel adalah RM1,000, manakala baki adalah kekal dalam Akaun Sejahtera.
- iii. Tiada pindahan akan dibuat ke Akaun Persaraan bagi simpanan dalam Akaun Sejahtera kurang dari RM3,000.



Contoh:

- Baki Akaun Sejahtera RM1,001- RM3,000:

BAZLI
 Akaun Persaraan: RM7,000
 Akaun Sejahtera : RM2,700
 Akaun Fleksibel : RM0

JIKA BAZLI MEMILIH UNTUK MEMPUNYAI AMAUN PERMULAAN

SIMPANAN SEMASA dalam Akaun Sejahtera Bazli akan diagihkan seperti berikut:

- Sehingga RM1,000 dipindahkan ke Akaun Fleksibel
- Baki selebihnya (selepas pindahan ke Akaun Fleksibel) kekal dalam Akaun Sejahtera
- Tiada pindahan ke Akaun Persaraan

- Baki Akaun Sejahtera RM1,000 dan ke bawah:



ADLI
Akaun Persaraan: **RM5,000**
Akaun Sejahtera : **RM900**
Akaun Fleksibel : **RM0**

**JIKA ADLI MEMILIH UNTUK MEMPUNYAI
AKAUN PERMULAAN**



SIMPANAN SEMASA dalam **Akaun Sejahtera** Adli akan diagihkan seperti berikut:

- **Kesemua simpanan** dalam Akaun Sejahtera dipindahkan ke Akaun Fleksibel
- Tiada pindahan ke Akaun Persaraan atau Akaun Sejahtera



13.	<p>Bagaimanakah ahli boleh membuat pilihan pindahan amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel?</p> <p>Ahli boleh membuat pilihan pindahan amaun permulaan dalam Akaun Fleksibel melalui saluran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. KWSP i-Akaun; atau ii. <i>Self-Service Terminal</i> (SST) di mana-mana Pejabat KWSP.
14.	<p>Bilakah ahli boleh membuat pilihan pindahan amaun permulaan?</p> <p>Ahli boleh membuat pilihan pindahan amaun permulaan bermula 12 Mei 2024 sehingga 31 Ogos 2024.</p> <p>Pilihan ini hanya boleh dibuat <u>sekali sahaja</u> pada bila-bila masa sepanjang tempoh tersebut dan <u>tidak boleh dibatalkan</u>.</p>
15.	<p>Apakah yang akan berlaku sekiranya ahli tidak membuat pilihan pindahan amaun permulaan?</p> <p>Sekiranya ahli tidak memilih untuk membuat pindahan amaun permulaan, baki dalam Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel sedia ada akan kekal.</p> <p>Manakala, caruman baharu mulai 11 Mei 2024 akan dikreditkan ke Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel.</p>
16.	<p>Bilakah pilihan pindahan amaun permulaan ke Akaun Fleksibel akan diluluskan?</p> <p>Pilihan pindahan amaun permulaan akan diluluskan dalam tempoh 3-5 hari bekerja.</p>
NO.	PINDAHAN SIMPANAN
17.	<p>Adakah ahli boleh membuat pindahan simpanan daripada Akaun Fleksibel ke Akaun Sejahtera atau Akaun Persaraan?</p> <p>Ahli boleh membuat pindahan simpanan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Akaun Fleksibel ke Akaun Sejahtera; atau ii. Akaun Fleksibel ke Akaun Persaraan; atau iii. Akaun Sejahtera ke Akaun Persaraan <p>Pindahan simpanan adalah sehalal di mana simpanan yang telah dipindahkan keluar tidak boleh dipindahkan semula ke akaun asal. Tiada sebarang had amaun ditetapkan untuk pindahan simpanan di antara akaun.</p>



	<p>Rujuk ilustrasi di bawah:</p> <div style="text-align: center;"> <p><i>Pindahan satu hala</i></p> </div>
18.	<p>Bagaimanakah ahli memohon untuk memindahkan simpanan?</p> <p>Buat masa ini, ahli boleh mengemukakan permohonan pindahan simpanan di mana-mana Pejabat KWSP dengan melengkapkan Borang Pindahan Simpanan Ke Akaun Persaraan/Akaun Sejahtera (KWSP 12).</p>
NO.	PENGELUARAN AKAUN FLEKSIBEL
19.	<p>Adakah kelayakan pengeluaran sedia ada ahli terjejas dengan penstrukturan semula akaun KWSP ini?</p> <p>Tidak, ahli masih layak untuk membuat pengeluaran sedia ada tertakluk kepada terma dan syarat semasa.</p>
20.	<p>Apakah jenis-jenis pengeluaran yang dibenarkan selepas pelaksanaan penstrukturan semula akaun KWSP?</p> <p>Kesemua jenis pengeluaran sedia ada masih terpakai tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan. Antara pengeluaran yang dibenarkan adalah:</p> <p><u>Sebelum Umur 55 Tahun</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun Persaraan: Skim Pelaburan Ahli ▪ Akaun Sejahtera: Pengeluaran Perumahan, Pengeluaran Pendidikan, Pengeluaran Kesihatan, Pengeluaran Haji, Pengeluaran Umur 50 tahun dan Pelan Perlindungan Ahli (PPA) ▪ Akaun Fleksibel: Pengeluaran Akaun Fleksibel (baharu) ▪ Kesemua Akaun: Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Kematian, Pengeluaran Meninggalkan Negara dan Pengeluaran Pekerja Berpencen ▪ Pengeluaran Melebihi RM1 Juta <p><u>Selepas Umur 55 Tahun</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Akaun 55: Pengeluaran Umur 55 tahun ▪ Akaun Emas: Pengeluaran Umur 60 tahun ▪ Kesemua Akaun: Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Kematian dan Pengeluaran Meninggalkan Negara



21.	<p>Bilakah ahli boleh mula membuat Pengeluaran Akaun Fleksibel?</p> <p>Ahli boleh membuat Pengeluaran Akaun Fleksibel sebaik sahaja Akaun Fleksibel mempunyai simpanan minimum RM50, sama ada selepas pindahan akaun permulaan daripada Akaun Sejahtera telah dibuat atau setelah pengkreditan caruman baharu.</p>
22.	<p>Apakah syarat-syarat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel?</p> <p>Syarat-syarat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Belum mencapai umur 55 tahun. b. Mempunyai simpanan dalam Akaun Fleksibel; dan c. Had akaun pengeluaran minimum yang ditetapkan adalah RM50.
23.	<p>Adakah ahli boleh membatalkan permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel?</p> <p>Permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel tidak boleh dibatalkan apabila permohonan telah diluluskan. Ahli disarankan untuk membuat keputusan yang tepat sebelum mengemukakan permohonan.</p>
24.	<p>Bagaimanakah kaedah permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel?</p> <p>Ahli boleh memohon Pengeluaran Akaun Fleksibel melalui saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. KWSP i-Akaun; atau ii. Pejabat KWSP.



25.	<p>Adakah ahli perlu mengemukakan dokumen sokongan semasa membuat permohonan?</p> <p>Ahli tidak perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Walaubagaimanapun, ahli perlu memastikan akaun bank berstatus aktif bagi memastikan proses bayaran adalah teratur.</p>
26.	<p>Adakah ahli perlu hadir di Pejabat KWSP bagi tujuan menurunkan/pegecaman cap ibu jari (CIJ) untuk permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel secara dalam talian?</p> <p>Secara amnya, ahli tidak perlu hadir di Pejabat KWSP bagi tujuan di atas kerana pengesahan identiti juga boleh dibuat secara dalam talian tertakluk kepada sejarah rekod ahli dan amaun pengeluaran tidak melebihi RM30,000.</p> <p>Bagi ahli yang tiada rekod pengeluaran atau maklumat akaun bank adalah berbeza dengan rekod pengeluaran terdahulu, ahli perlu mengesahkan identiti melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan cap ibu jari di <i>Self-Service Terminal</i> (SST) KWSP bagi amaun permohonan pengeluaran lebih daripada RM10,000; ATAU • Pengesahan dalam talian tertakluk kepada amaun permohonan pengeluaran kurang daripada RM10,000.
27.	<p>Apakah kaedah bayaran bagi Pengeluaran Akaun Fleksibel?</p> <p>Bayaran bagi Pengeluaran Akaun Fleksibel akan dibayar secara pengkreditan terus ke dalam akaun bank ahli.</p> <p>Pastikan syarat-syarat di bawah dipenuhi bagi memastikan urusan pembayaran pengeluaran Akaun Fleksibel berjalan lancar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun bank (simpanan atau semasa) yang masih aktif; • Akaun bank adalah didaftarkan atas nama ahli sendiri (bukan akaun bersama/syarikat); dan <p>Peringatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli yang tidak mempunyai akaun bank adalah dinasihatkan untuk membuka akaun bank sebelum membuat permohonan Pengeluaran Akaun Fleksibel.
28.	<p>Adakah ahli yang telah memohon Pengeluaran Bersyarat Umur 50/55 Tahun di bawah Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) boleh membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel?</p> <p>Ya, ahli boleh membuat Pengeluaran Akaun Fleksibel tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di No 22.</p>



29.	<p>Bilakah bayaran Pengeluaran Akaun Fleksibel dikreditkan ke dalam akaun bank ahli?</p> <p>Bayaran akan dibuat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan diluluskan.</p>
-----	--

NO.	LAIN-LAIN
30.	<p>Adakah terdapat perbezaan kadar dividen di antara tiga akaun tersebut?</p> <p>Pada masa ini, penstrukturan semula akaun KWSP tidak mengubah polisi semasa penentuan kadar dividen. Kadar dividen yang sama akan terpakai ke atas ketiga-tiga akaun.</p>
31.	<p>Adakah penstrukturan semula akaun KWSP memberi impak kepada status pilihan Simpanan Syariah ahli?</p> <p>Penstrukturan semula akaun KWSP tidak akan mengubah akaun ahli yang telah bertukar ke Simpanan Syariah.</p>
32.	<p>Adakah ahli beragama Islam diwajibkan mengeluarkan zakat ke atas Pengeluaran Akaun Fleksibel?</p> <p>Sekiranya Pengeluaran Akaun Fleksibel dibuat oleh ahli yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi atau yang terjejas sumber pendapatannya bagi menampung keperluan hidup asasi diri dan tanggungannya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan, maka zakat tidak diwajibkan.</p> <p>Selain daripada sebab-sebab di atas, Pengeluaran Akaun Fleksibel yang dibuat tertakluk kepada zakat pada kadar 2.5% tanpa perlu menunggu haul setahun, sekiranya mencapai nisab (setelah mengambil kira semua pendapatan dalam tempoh haul setahun).</p> <p>Ahli beragama Islam dinasihatkan untuk merujuk pihak berkuasa zakat negeri masing-masing berhubung apa-apa perkara berkaitan zakat.</p>
33.	<p>Adakah ahli beragama Islam diwajibkan mengeluarkan zakat ke atas baki simpanan di dalam Akaun Fleksibel yang tidak dikeluarkan?</p> <p>Ya. Baki simpanan di dalam Akaun Fleksibel adalah tertakluk kepada zakat simpanan pada kadar 2.5% setiap tahun berdasarkan <i>Haul</i> sekiranya mencapai <i>Nisab</i> setelah diambil kira semua baki simpanan ahli yang lain.</p> <p>Ini adalah kerana simpanan di dalam Akaun Fleksibel yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa telah memenuhi salah satu syarat wajib zakat iaitu pemilikan sempurna.</p> <p>Ahli beragama Islam dinasihatkan untuk merujuk pihak berkuasa zakat negeri masing-masing berhubung apa-apa perkara berkaitan zakat.</p>



--	--